

# Mahathir tunjuk masalah

Oleh AZMÁN ANNUAR

UM 2 2 JUN 2001

## ANALISIS Berita

UCAPAN<sup>1</sup> dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-55 semalam menimbulkan tanda tanya sesetengah ahli UMNO dan juga pemerhati politik, kenapa beliau tidak menyentuh satu pun tentang masalah dalaman parti itu.

Dr. Mahathir tidak menyebut pun tentang masalah peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin daripada jawatan Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO.

Begitu juga beliau tidak menjelaskan isu-isu berkaitan dengan keputusan Lembaga Disiplin parti yang merupakan isu besar yang heboh diperkatakan sejak beberapa hari sebelum perhimpunan berlangsung.

Ada pemerhati berkata, Dr. Mahathir tidak mahu menyentuh perkara itu mungkin kerana beliau tidak mahu memperbesar-besarkan isu yang telah menjadi fakta.

Hakikatnya Tun Daim telah meletakkan jawatan dan Lembaga Disiplin telah membuat keputusannya. Kedua-dua isu ini sudah ada titik noktah.

Sekiranya beliau mengupas juga dalam ucapannya, dibimbangi ia akan menimbulkan spekulasi, implikasi dan terjemahan yang berbeza-bebeza daripada kalangan ahli UMNO.

Beliau sengaja tidak mahu menyentuh perkara ini kerana mahu melihat reaksi wakil perwakilan yang berucap dalam perhimpunan itu untuk membangkitkan perkara tersebut. Dr. Mahathir boleh menjawab dan menjelaskan persoalan ini sewaktu ucapan penggulungan.

Oleh itu Dr. Mahathir mempunyai strategi kenapa beliau tidak mahu menyentuh persoalan ini lebih awal, khususnya dalam ucapan dasarnya.

Jika tindakan ini yang diambil oleh Presiden UMNO itu, ia merupakan satu langkah bijak. Kerana jika dijelaskan dalam ucapan dasarnya, maka orang akan membuat bermacam-macam tafsiran termasuk pihak parti pembangkang.

Ada pemerhati berpendapat Dr. Mahathir ingin menunjukkan masalah yang lebih besar yang dihadapi oleh parti itu ialah untuk menghadapi musuh-musuh sebenar orang UMNO.

Mesej yang disuntik oleh Presiden UMNO ialah orang Melayu perlu mengha-

dapi sikap pelajar Melayu yang semakin radikal terhadap kerajaan, kelemahan keilmuan, perekonomian dan dakyah Pas.

Jika kesedaran terhadap pergolakan masyarakat khususnya isu pendidikan, ekonomi dan cabaran globalisasi tidak diberi perhatian serius, kedudukan kuasa orang Melayu mungkin akan tergugat.

Bila kuasa orang Melayu terancam, maka kepentingan-kepentingan orang Melayu seperti yang terkandung dalam hak-hak keistimewaan orang Melayu sukar dipertahankan lagi.

Oleh sebab itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya cuba memberi peringatan kepada semua ahli UMNO dan juga orang Melayu.

Beliau memperingatkan tentang kedudukan orang Melayu yang akan bertambah buruk sekiranya mereka tidak mahu mengimbas semula dan mengambil iktibar daripada peristiwa masa lalu sewaktu orang Melayu tidak ada kuasa politik untuk mentadbir dan mengurus negara kerana terpaksa tunduk kepada arahan penjajah asing.

Menurut pemerhati politik, Dr. Mohd. Zainul Fithri Othman, Dr. Mahathir mengimbau peristiwa itu kerana ia mungkin boleh berlaku semula di negara ini jika orang Melayu tidak mempunyai ilmu. Teras

# orang Melayu

peringatan beliau itu ialah orang Melayu harus berilmu dan berpendidikan demi mengatasi segala masalah dan cabaran akan datang.

“Sebab itu beliau mengkritik tindakan golongan reformasi jalanan yang ingin menjatuhkan kerajaan melalui demonstrasi.

“Reformasi sebenar ialah reformasi dalam diri yang berteraskan ilmu bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran luaran yang mendatang,” kata Mohd. Fithri.

Presiden UMNO mahu menyedarkan orang Melayu yang menyokong pembangkang supaya tidak menyokong membabi buta, sebaliknya menyokong secara rasional dan berilmu.

Dr. Mahathir mahu orang Melayu mengalih paradigma dengan mengambil perkara positif dan bagaimana hendak berubah kepada kebaikan.

Dalam hal ini, beliau menegur sikap pelajar-pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi yang suka berpolitik daripada menuntut ilmu. Tindakan itu adalah suatu pengkhianatan terhadap harapan keluarga dan orang Melayu keseluruhannya.

Apa yang berlaku sekarang, mereka bukan melakukan pembasmian kemiskinan di kalangan orang Melayu, sebaliknya

tanpa sedar, mereka cuba melakukan pembasmian kepentingan orang Melayu di negara ini.

Dr. Mahathir bimbang dengan generasi sekarang yang lupa erti kemerdekaan. Mereka tidak faham kenapa kemerdekaan itu perlu dipertahankan.

Dalam sistem ekonomi kapitalis sekarang, ia dikawal oleh kuasa Barat. Sebab itu pentingnya kita menjaga sistem pentadbiran dan ekonomi negara. Jika sistem ini dikawal oleh orang asing, bermakna negara kita sudah tidak lagi bebas.

Dalam ucapan dasarnya juga Dr. Mahathir membidas tindak tanduk Pas yang tidak mengakui kebenaran. Apa yang yang diberitahu oleh Pas selama ini kepada orang Melayu ialah penipuan semata-mata. Pas menipu orang Melayu dan juga berbohong kepada orang Cina demi kepentingan politiknya. Dalam pertandingan termasuk politik, untuk menang mereka akan sanggup melakukan apa saja.

Sebab itu Dr. Mahathir mengingatkan ahli UMNO, orang Melayu serta rakyat negara ini supaya berfikir tentang keghairahan Pas pada waktu ini.

Kita perlu ingat, apabila orang Melayu bertelagah sesama sendiri, maka yang akan masuk mencelah di tengah-tengah mencari kesempatan ialah orang asing.